

SULIT

TARIKH IKLAN : 10 FEBRUARI 2025

Lampiran A



PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK
PERAK DARUL RIDZUAN



KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang :

110601 : BOT ATAU,

110603 : ALATGANTI DAN KELENGKAPAN BOT/KAPAL ATAU,

110701 : PERALATAN MARIN ATAU,

221504 : KAPAL/ BOT/ BOT TUNDA/ FER/ BOT MALIM/ BARGE/ JETSKI/ KAPAL SELAM DAN,

masih SAH TEMPOH serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT
1.	PHD. HPK. (S) 6/2025	Tawaran : Bekalan Satu (1) Buah Bot Bersaiz 32 Kaki Beserta Enjin 250 Kuasa Kuda Dan Treler Di Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak	Tarikh & Masa: 17 Februari 2025 (Isnin) pada 10.30 Pagi Tempat Taklimat: Bilik Mesyuarat Seberguna, Aras 1, Bangunan Kerajaan Negeri Perak, Jalan Sultan Abdul Aziz, 33300 Gerik, Perak Darul Ridzuan.

Kehadiran ke sesi taklimat adalah diwajibkan kepada semua syarikat yang berminat.

1. Syarikat-syarikat yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat Sebutharga. Tempat berkumpul, tarikh dan masa taklimat adalah sepertimana ditetapkan di atas.

Hanya penama syarikat di dalam Sijil Pendaftaran Asal atau wakil syarikat yang diberi kuasa (sertakan surat wakil kuasa) yang masih Aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) sahaja boleh menghadiri taklimat Sebutharga.

2. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga RM 20.00 senaskhah kepada syarikat-syarikat atau penama-penama yang sah sahaja. Untuk maksud ini, penama-penama atau wakil - wakilnya hendaklah mengemukakan bersama :


SULIT

SULIT

- a) Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih **Aktif** yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - b) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang masih **Aktif** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) beserta kod bidang yang dinyatakan; dan
 - c) Resit Pendaftaran Kontraktor dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun 2025.
3. Semua bayaran boleh dibuat dengan menggunakan **Kad Debit, Wang Pos** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara Wang Tunai tidak akan diterima.
 4. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **17 Februari 2025 (Isnin)** sehingga **sehari sebelum tarikh tutup Sebutharga** pada waktu pejabat di **Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak, Bangunan Kerajaan Negeri Perak, Jalan Sultan Abdul Aziz, 33300 Gerik, Perak Darul Ridzuan**.
 5. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **25 Februari 2025 (Selasa)** pada jam **12.00** tengahari.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

Disahkan Oleh :


.....
(MOHD FAIZ BIN KAMARUZZAMAN)
Penolong Pegawai Hutan Daerah
b/p. Pegawai Hutan Daerah
Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak,
Perak Darul Ridzuan.

SULIT